
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

CIT502 – Pengaturcaraan dan Kejuruteraan Perisian Berorientasi Objek

Masa : 2 jam

ARAHAN KEPADA CALON:

- Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** soalan di dalam **LIMA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
- Jawab **SEMUA** soalan.
- Anda boleh memilih untuk menjawab semua soalan dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.

1. (a) Terangkan perbezaan antara:

- (i) Salinan 'deep' and 'shallow'
- (ii) Rekursi terus dan tidak terus
- (iii) Kes asas dan kes am dalam kaedah rekursi
- (iv) Ahli-ahli persendirian dan terlindung dalam kelas
- (v) 'Overloading' nama kaedah dan 'overriding' nama kaedah

(10/100)

(b) Pertimbangkan kaedah berikut:

```
public static int mystery(int x, double y, char ch)
{
    int u;
    if ('A' <=ch && ch <= 'R')
        return (2 * x + (int) (y));
    else
        return( (int)(2 * y)-x);
}
```

Apakah output bagi kenyataan Java berikut?

- (i) `System.out.println(mystery(4,9.7,'v'));`
- (ii) `System.out.println(2*mystery(6,3.7,'D'));`

(2/100)

(c) Tulis satu atur cara Java untuk melaksanakan langkah-langkah berikut:

- (i) Minta dari pengguna untuk menginput 2 integer **firstNum** dan **secondNum**. (**firstNum** mestilah kurang daripada **secondNum**)
- (ii) Outputkan semua nombor-nombor genap antara **firstNum** dan **secondNum**.
- (iii) Outputkan ganda dua bagi nombor-nombor antara **firstNum** dan **secondNum**.
- (iv) Outputkan nombor perdana antara **firstNum** dan **secondNum**.
- (v) Outputkan jumlah ganda dua bagi nombor-nombor ganjil antara **firstNum** dan **secondNum**.
- (vi) Outputkan semua huruf-huruf kecil.

(13/100)

2. (a) Tulis satu kaedah dalam bahasa Java yang akan mengisih satu senarai. Kaedah ini akan menerima senarai dalam bentuk tatasusunan dan panjang senarai dari atur cara yang memanggil.

(10/100)

- (b) Apakah **tiga (3)** cara berlainan untuk mengimplimentasikan satu antara muka (interface)?

(3/100)

- (c) Bina satu kelas **Rectangle**. Kelas ini mempunyai atribut panjang dan lebar, yang mempunyai nilai lalai 1. Ia mempunyai kaedah yang dapat mengira luas dan parameter segi empat. Ia juga mempunyai kaedah 'get' dan 'set' untuk lebar dan panjang. Kaedah 'set' akan menentukan yang lebar dan panjang adalah nilai perpuluhan lebih daripada 0.0 tetapi kurang daripada 20.0. Satu kaedah 'predicate' **isSquare** juga dibina untuk menguji jika sesuatu segi empat adalah segi empat sama. (Kaedah 'predicate' selalunya menguji sesuatu kondisi tetapi tidak menukar objek yang dipanggil.) Tulis satu atur cara yang akan menguji kelas **Rectangle**.


(12/100)

3. (a) Lukiskan satu gambar rajah kelas untuk mewakili keadaan yang tersebut di bawah:

Seorang pelanggan mempunyai nama pertama, nama tengah, nombor telefon serta alamat rumah. Pelanggan tersebut boleh membuat tempahan, dan semua rekod tempahan akan disimpan. Bagi setiap tempahan, maklumat alamat pembayaran dan alamat destinasi penghantaran yang mana kedua-dua alamat tersebut mungkin sama – alamat rumah pelanggan tersebut boleh digunakan bagi kedua-dua alamat tersebut. Setiap item tempahan juga hanya direkod untuk setiap produk di mana setiap item tempahan menyimpan rekod kuantiti produk yang ditempah, serta kiraan harga bagi item tersebut (kuantiti * harga seunit). Dalam pada itu, setiap tempahan juga mengira jumlah bayaran yang diperlukan + cukai sebanyak 17.5% yang akan dikenakan. Setiap tempahan juga boleh dikategorikan kepada beberapa status iaitu 'tidak sah', 'sah', 'dihantar' atau 'diterima'. Bagi tempahan yang telah disahkan, satu nombor rujukan yang unik akan diberikan (contoh: Rujukan terakhir +1). Setiap tempahan yang telah disahkan akan dicatatkan tarikh pengesahan, tarikh penghantaran serta tarikh tempahan tersebut.

(10/100)


- (b) Pertimbangkan gambar rajah kelas yang menunjukkan perwarisan antara dua kelas, **Person** dan **Employee** yang mengandungi maklumat atribut dan operasi-operasinya seperti yang berikut:



Tulis atur cara JAVA yang setara dengan gambar rajah kelas di atas dan atur cara kecil yang menggambarkan penggunaan kelas tersebut.

(12/100)

4.



- (a) Lukis satu gambar rajah kelas bagi gambar rajah jujukan di atas. (8/100)
- (b) Jelaskan implementasi bagi gambar rajah di atas dalam bahasa JAVA bagi kes **Reservation** . (12/100)
- (c) Tulis satu ujian senario bagi kes **Reservation**. (8/100)

- oooOooo -